

Nama:

Kelas:

Baca petikan di bawah ini. Padankan rangkai kata yang berhuruf tebal dengan makna yang betul.

Kanak-kanak di negara ini sungguh bertuah. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka dilahirkan di dalam negara yang aman dan merdeka. Oleh itu, mereka tidak **menghadapi sebarang masalah** untuk ke sekolah. Bagaimanakah keadaan kanak-kanak di negara lain?

Kanak-kanak di negara Kemboja tidak dapat bersekolah kerana **kemiskinan**. Sekolah mereka kebanyakannya bangunan kayu yang **sudah uzur** dan **hampir menyembah bumi**. Kanak-kanak di sana pergi ke sekolah tanpa memakai pakaian seragam sekolah. Mereka makan nasi sekali sehari sahaja. Malah, selalunya mereka hanya makan bubur.

Begitu juga dengan nasib kanak-kanak di Afrika. Faktor kemiskinan, ketiadaan pengangkutan awam, dan keadaan fizikal sekolah yang **kurang memuaskan** menyebabkan banyak kanak-kanak di negara itu yang tidak bersekolah. Murid-murid terpaksa duduk di atas tanah. Tandas pula hanyalah sebuah lubang yang digali tanpa dinding mahupun bekalan air. Sebagai akibatnya, penyakit berjangkit seperti taun **mudah menular**.

Seterusnya, kanak-kanak yang berada di negara yang terbabit dalam **kancah peperangan** turut mengalami keciciran. Misalnya, kanak-kanak di Palestin. Kehidupan mereka **sangat sengsara**. Rumah dan sekolah musnah akibat serangan rejim Zionis. Nyawa mereka bagaikan telur di hujung tanduk.

Begitulah malangnya nasib ratusan ribu kanak-kanak di seluruh dunia. Mereka amat dahaga akan ilmu tetapi tidak berdaya untuk memperolehnya. Oleh itu, kita perlulah **bersyukur atas nikmat** yang kita peroleh sekarang. Kita perlulah belajar dengan tekunnya. Mudah-mudahan kita berjaya mencapai impian untuk menjejakkan kaki ke **menara gading** suatu hari nanti.

Rangkai Kata	Makna
1 menghadapi sebarang masalah	a. dalam sedikit masa lagi akan roboh
2 kemiskinan	b. tidak begitu puas
3 sudah uzur	c. berpuas hati atas kesenangan
4 hampir menyembah bumi	d. pusat pengajian tinggi
5 kurang memuaskan	e. keadaan berlawan atau berkelahi dengan menggunakan angkatan tentera atau senjata
6 mudah menular	f. sungguh menderita
7 kancah peperangan	g. terlalu buruk keadaannya
8 sangat sengsara	h. melalui apa-apa kesukaran
9 bersyukur atas nikmat	i. keadaan di mana seseorang itu tidak mempunyai harta benda atau pendapatan yang mencukupi
10 menara gading	j. senang merebak